Abdul Aziz bin Endut v Pertubuhan Keselamatan Sosial

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S3–21–164 TAHUN 1997
NIK HASHIM H
20 JUN 1998

Kakitangan Awam *— Persaraan wajib — Dakwaan pemohon diberikan persaraan awal — Pemohon mendakwa umurnya belum mencapai 55 tahun — Tarikh lahir di sijil lahir dan kad pengenalan adalah salah — Pemohon datang ke mahkamah tanpa 'tangan yang bersih' — Sama ada plaintif boleh mendapat deklarasi bahawa penamatan perkhidmatannya adalah tidak sah*

Plaintif telah memohon untuk satu deklarasi bahawa penamatan perkhidmatannya daripada organisasi defendan, yang berkuatkuasa pada 31 Disember 1996, adalah tidak sah. Plaintif telah ditamatkan perkhidmatannya oleh defendan kerana telah mencapai umur 55 tahun. Walau bagaimanapun, plaintif telah mendakwa bahawa umurnya belum mencapai 55 tahun kerana tarikh lahir yang tertera di atas sijil lahir dan kad pengenalannya, iaitu 12 September 1941, adalah salah. Plaintif menegaskan bahawa tarikh lahirnya adalah 10 Januari 1944, seperti yang tertera di dalam surat akuan bapanya dan juga sijil kelepasan sekolahnya. Sepucuk surat daripada Jabatan Pendaftaran Negara juga mengesahkan penegasan plaintif tersebut. Oleh itu, plaintif hanya akan berumur 55 tahun pada 10 Januari 1999. Peguam defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak boleh menggunakan proses undang-undang bagi tujuan ini kerana beliau sendiri telah mengambil pendirian sebaliknya pada beberapa ketika dahulu untuk mendapat faedah daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP'). Peguam plaintif, sebaliknya, menghujahkan bahawa isu di antara plaintif dan KWSP adalah satu perkara yang berasingan dan tidak sepatutnya menjejaskan isu ketidaksahan penamatan perkhidmatan plaintif.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Plaintif telah mengambil kesempatan untuk mengakui umurnya untuk mendapatkan faedah bagi dirinya sendiri semata-mata apabila diperlukan. Masalah in bermula dengan tindakan plaintif sendiri apabila membuat pengeluaran daripada KWSP. Sebelum itu, plaintif memang sudah ada surat akuan daripada bapanya dan sijil kelepasan sekolahnya di mana tarikh lahir plaintif dinyatakan sebagai 10 Januari 1944, dan bukan tahun 1941. Plaintif sepatutnya membetulkan tarikh lahirnya dengan Jabatan Pendaftaran Negara secepat mungkin dan bukannya setelah diberhentikan perkhidmatannya dengan defendan. Tiada sebab diutarakan mengapa plaintif tidak berbuat demikian (lihat ms 783B–C, E–F).

(2) Plaintif sendiri telah menimbulkan masalah untuk dirinya dengan kelakuannya yang tidak jujur untuk kepentingan dirinya semata-mata. Kini plaintif datang ke mahkamah tanpa 'tangan yang bersih' untuk meminta deklarasi yang, jika diberi, akan menimbulkan lagi masalah antara plaintif dan KWSP dan juga di antara plaintif dan defendan. Mahkamah berpendapat bahawa permohonan plaintif untuk deklarasi itu adalah merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah dan tidak sepatutnya dibenarkan (lihat ms 784E–F).

[English summary

Plaintiff had applied for a declaration that the termination of his services from defendant's organization, which is effective on 31 December 1996, is unlawful. Plaintiff's services was terminated by defendant because he had attained the age of 55 years. However, plaintiff claimed that his age had not attained 55 years because the date of birth which is shown on his birth certificate and identification card, which is 12 September 1941, is wrong. Plaintiff contended that his date of birth was 10 January 1944, as shown in the letter of admission by his father and as well as his school leaving certificate. A letter from the National Registration Department also confirmed plaintiff's contention. Therefore, plaintiff would only be 55 years old on 10 January 1999. Counsel for the defendant submitted that plaintiff could not use the process of law for this purpose because he himself had taken the contrary stand sometime in the past to obtain benefit from Employees Provident Fund ('EPF'). Counsel for the plaintiff, on the contrary, submitted that the issue between plaintiff and EPF amounts to a separate matter and ought not to affect the issue of unlawful termination of plaintiff's services.

Held, dismissing the application:

(1) Plaintif had taken advantage in admitting his age solely for obtaining benefit for himself when necessary. This problem arose from plaintiff's own action when making withdrawal from EPF. Before that, plaintiff in fact had the letter of admission by his father and his school leaving certificate wherein plaintiff's date of birth is stated as 10 January 1944, and not the year 1941. Plaintiff ought to have corrected his date of birth with the National Registration Department as soon as possible and not after being dismissed from his service with defendant. There is no reason adduced as to why plaintiff did not do so (see p 783B–C, E–F).

(2) Plaintiff himself had created the problem for himself by his dishonest conduct solely for his own interests. Now plaintiff comes to court without 'clean hands' to seek a declaration which, if given, would create further problem between plaintiff and EPF

A and also between plaintiff and defendant. The court is of the opinion that the plaintiff's application for a declaration amounts to an abuse of the process of court and ought not to be allowed (see p 784E–F).]

B **Nota-nota**

Untuk kes dakwaan pemohon diberikan persaraan awal, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 1487.

Kes-kes yang dirujuk

C *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed v Government of Malaysia & Anor* [1979] 2 MLJ 101 (dirujuk)

National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers v Minister of Labour and Manpower [1989] 2 MLJ 189 (dirujuk)

D **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Kumpulan Simpanan Wang Pekerja 1991 ss 43, 54(1)(b), (3)

Akta Relif Spesifik 1950 s 41

Kaedah-Kaedah Persatuan Sosial Pekerja-Pekerja (Perlakuan dan Disiplin) 1994 k 49(1), (3), (5)

E *Jayandran* bagi pihak plaintif.

S Rutheran (*Azlaily* bersamanya) (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak defendan.

Cur Adv Vult

F **Hashim H**: Ini adalah satu permohonan oleh plaintif melalui kandungan 1, untuk satu deklarasi bahawa penamatan plaintif daripada perkhidmatan defendan, atas alasan plaintif telah mencapai umur 55 tahun, adalah tidak sah. Plaintif juga memohon supaya beliau dilantik semula ke jawatan terakhirnya tanpa kehilangan senioriti dan dibayar gajinya sejak dari bulan Mei 1997. Plaintif juga memohon gantirugi, kos dan apa-apa relif lain yang G difikirkan adil dan patut.

Latar belakang

Plaintif mula berkhidmat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 14 September 1963, sebagai kerani cubaan. Beliau mula memasuki H perkhidmatan organisasi defendan pada 15 April 1974. Pada 18 Jun 1997, plaintif telah diberi surat penamatan perkhidmatannya sebagai Pegawai Tadbir Gred 21 Perkeso, dengan diberi notis 24 jam, dan penamatan itu berkuatkuasa mulai 31 Disember 1996, iaitu tarikh beliau dikatakan mencapai umur 55 tahun.

I Jadi, isu pertama yang perlu diputuskan oleh mahkamah ialah berapakah umur plaintif sebenarnya (dan apakah kesan terhadap penamatan pekhidmatannya dengan defendan?).

Peguamcara plaintif menghujahkan bahawa plaintif masih belum mencapai umur 55 tahun. Walaupun pada asalnya, sijil kelahiran dan kad pengenalan menyatakan tahun kelahirannya ialah 1941, perkara ini telah diperbetulkan oleh bapa plaintif yang membuat surat akuan pada 28 September 1954, bahawa sijil kelahiran plaintif telah hilang dan bahawa tarikh lahir plaintif adalah 10 Januari 1944. Terdapat juga sijil kelepasan sekolah plaintif yang menyatakan bahawa tarikh lahir plaintif adalah 10 Januari 1944 — rujuk AE2 dan AE3 kandungan 1.

Plaintif telah juga memohon kepada Pejabat Pendaftaran untuk memperbetulkan 'kesilapan' yang terdapat di dalam kad pengenalannya itu. Pembetulan seterusnya dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara melalui surat bertarikh 24 Julai 1997, yang menyatakan tarikh lahir plaintif diperbetulkan dari 12 September 1941, kepada 10 Januari 1944. Berdasarkan pembetulan ini, plaintif hanya akan mencapai umur 55 tahun pada 10 Januari 1999 dan bukan pada 12 September 1996.

Daripada keterangan yang dikemukakan, jelas Jabatan Pendaftaran mengiktiraf, secara prima facie, bahawa tarikh lahir plaintif sebenarnya adalah pada 10 Januari 1944. Jadi isu seterusnya yang perlu diputuskan ialah sama ada mahkamah patut membuat deklarasi yang dipohon itu.

Peguamcara defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak boleh dibenarkan menggunakan proses undang-undang untuk mencapai suatu matlamat, apabila beliau sendiri telah mengambil pendirian sebaliknya pada beberapa ketika dahulu, untuk melayakkan diri untuk mendapat faedah dari suatu badan awam yang lain, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP'). Peguamcara plaintif, sebaliknya, menghujahkan bahawa isu di antara plaintif dan KWSP adalah satu perkara berasingan dan tidak sepatutnya menjejaskan isu ketidaksahan penamatan perkhidmatan plaintif dengan defendan.

Episod ini bermula apabila defendan menerima satu notifikasi bertarikh 30 September 1996, daripada Lembaga KWSP, pada 14 Oktober 1996 (WAW2 kandungan 5), yang memaklumkan bahawa defendan adalah bertanggungjawab untuk mencarum bagi pihak plaintif seperti di dalam kadar yang telah ditetapkan di Jadual Ketiga s 43 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) ('AKWSP').

Berikutan dengan notifikasi ini, pihak defendan telah membuat siasatan mengenainya. Penyiasatan dengan Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan plaintif mempunyai satu kad pengenalan yang menyatakan tarikh lahirnya sebagai 12 September 1941.

Seterusnya, penyiasatan defendan dengan KWSP menunjukkan bahawa plaintif telah, pada dua masa yang berasingan, menggunakan kad pengenalannya (sebelum pindaannya) untuk menampilkan diri sebagai berumur 50 dan 55 tahun masing-masing, untuk membolehkannya membuat pengeluaran daripada tabung KWSP.

Pada 14 November 1992, plaintif telah menggunakan kad pengenalannya untuk menampilkan diri sebagai berumur 50 tahun dan dengan itu membolehkannya memenuhi syarat pengeluaran mengikut s 54(3) AKWSP yang memperuntukkan:

A Notwithstanding subsection (1) the Board may authorize application of withdrawal from the Fund partly any amount standing to the credit of the member of the Fund and, subject to any rules made under this section, and such authority shall not be given unless the Board is satisfied that a member of the Fund —

(a) has attained the age of fifty years; ... .

B Seterusnya, pada 3 September 1996, plaintif sekali lagi telah menggunakan kad pengenalannya untuk menampilkan dirinya sebagai berumur 55 tahun, dan dengan itu membolehkannya memasuki syarat pengeluaran mengikut s 54(1)(b) AKWSP.

Jelas di sini, plaintif telah mengambil kesempatan untuk mengakui C umurnya untuk mendapat faedah bagi dirinya, semata-mata apabila diperlukan. Tidak dinafikan bahawa plaintif telah, pada tahun 1992, mengakui dirinya kepada KWSP bahawa dia telah mencapai umur 50 tahun dan kemudian pada 1996, sebagai telah mencapai umur 55 tahun. Ini adalah berdasarkan tahun kelahiran di dalam kad pengenalannya (sebelum D dipinda) yang menunjukkan tahun 1941. Tetapi setelah defendan menghantar notis untuk menamatkan perkhidmatannya kerana dikatakan telah berusia 55 tahun, Plaintif mengakui bahawa umurnya masih belum mencapai 55 tahun lagi. Plaintif kemudian membuat permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk meminda tarikh lahir di dalam kad pengenalannya daripada 12 September 1941, kepada 10 Januari 1944.

E Masalah ini bermula dengan tindakan plaintif sendiri apabila membuat pengeluaran daripada KWSP. Sebelum itu, plaintif memang sudah sedia mempunyai surat akuan daripada bapanya dan sijil kelepasan sekolahnya di mana tarikh lahir plaintif dinyatakan sebagai 10 Januari 1944, dan bukannya tahun 1941. Plaintif sepatutnya membetulkan tarikh lahirnya dengan Jabatan Pendaftaran Negara secepat mungkin dan bukan setelah F diberhentikan perkhidmatannya dengan defendan. Tiada sebab diutarakan mengapa plaintif tidak berbuat demikian.

Tentang isu kesahan penamatan plaintif dengan defendan, rujukan dibuat kepada Kaedah-Kaedah Persatuan Sosial Pekerja-Pekerja (Perlakuan dan Disiplin) 1994, khususnya Bahagian VII yang G memperuntukkan seperti berikut:

49 (1) Notwithstanding any provision in these Rules, where the Board finds or where representations are made to the Board that it is desirable that the service of an officer or servant be terminated in the public interest, the Board may call for a full report from the Head of Department. The said report shall contain particulars relating to the H work and conduct of the officer or servant and the comments, if any, of the Head of Department.

(2) ...

(3) It shall be lawful for the Disciplinary Committee to recommend to the Board that the service of an officer or servant be terminated in the public interest notwithstanding that disciplinary proceedings I have not been carried out under any of the provisions of these Rules, and the Board may terminate the service of the said officer or servant. Subrule (4) shall apply in respect of termination of service of such officer or servant under this subrule.

(4) ...

(5) For the purpose of this provision 'public interest' shall include the interest of the Organisation.

Namun begitu, sebelum mahkamah menimbangkan isu penamatan perkhidmatan plaintif ini, mahkamah perlu membuat keputusan sama ada deklarasi sepatutnya dibuat atau pun tidak terlebih dahulu.

Di dalam kes *National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers v Minister of Labour and Manpower* [1980] 2 MLJ 189, di mana Raja Azlan Shah CJ (Baginda pada ketika itu) berkata, di ms 191:

> As we have said earlier in this judgment, we must guard against any tendency to equate the distinct process of mere review with an unarticulated opinion that having investigated the facts we are in a better position to adjudicate upon the merits. That is not our function. It is not for us to say what shall or shall not be done in this special area of delegated jurisdiction. Our duty is only to see that the matter in hand has been determined by the Minister in accordance with the policy and object of the Act.

Seksyen 41 Akta Relif Spesifik 1950, memberi budibicara kepada mahkamah untuk membuat sesuatu pengisytiharan.

Di dalam kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamad v Government of Malaysia & Anor* [1979] 2 MLJ 101, Lee Hun Hoe CJ berkata, di ms 107:

> In granting a declaration, the court has to consider the utility of the declaration on the one hand as against the inconvenience and embarrassment that may result on the other hand.

Daripada fakta kes ini, jelas plaintif sendiri yang menimbulkan masalah untuk dirinya sendiri dengan kelakuannya yang tidak jujur untuk kepentingan dirinya semata-mata. Kini plaintif datang ke mahkamah tanpa 'tangan yang bersih' untuk meminta deklarasi yang, jika diberi, akan menimbulkan lagi masalah di antara plaintif dan KWSP dan juga antara plaintif dan defendan. Oleh itu, saya berpendapat bahawa permohonan plaintif untuk deklarasi ini adalah merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah dan tidak sepatutnya dibenarkan, dan saya membuat perintah sedemikian.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Mohd Rizal Abidin